



KENYATAAN MEDIA

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT BERHUBUNG KES PERBICARAAN PESALAH PEDOFILIA WARGA BRITAIN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin merujuk kepada kes pedofilia yang telah dilaporkan di media antarabangsa mengenai tuduhan jenayah pedofilia ke atas 200 orang kanak-kanak termasuk kanak-kanak Malaysia di Mahkamah London dan saya ingin menyatakan rasa terkejut serta kesal dengan perlakuan jenayah ini khususnya apabila individu tersebut berselindung di sebalik kerja-kerja kebajikan dan sukarela terhadap kanak-kanak.

Justeru, KPWKM akan mendapatkan maklumat rasmi daripada agensi terlibat sebelum tindakan tegas diambil selaras dengan undang-undang Malaysia.

Dalam hal ini juga, saya menyeru agar setiap lapisan masyarakat termasuk ibu bapa dan penjaga bersama-sama dengan pihak KPWKM dan semua agensi Kerajaan bekerjasama untuk memastikan keselamatan kanak-kanak Malaysia. KPWKM menyediakan Talian KASIH 15999 untuk orang ramai menyalurkan apa-apa maklumat berkaitan kes ini. Saya juga berharap semua pihak memberi perhatian terhadap sensitiviti mangsa dan keluarga yang terlibat.

Dengan pelaksanaan RUU Kanak-Kanak (Pindaan) 2015 kelak satu Daftar akan diwujudkan yang mengandungi maklumat pesalah yang telah disabitkan dengan kesalahan jenayah termasuklah kesalahan seksual melibatkan kanak-kanak.

YB DATO SRI ROHANI ABDUL KARIM
2 Jun 2016

Sebarang maklumat lanjut sila hubungi:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 35, Persiaran Perdana
PUTRAJAYA Tel: 03-8323 1088 E-mel: info@kpwkm.gov.my